

Headline	Kakitangan UUM digesa beri lebih komitmen		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	02 Dec 2012	Language	Malay
Circulation	60,000	Readership	180,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	U10	ArticleSize	210 cm ²
AdValue	RM 1,155	PR Value	RM 3,465



Kakitangan UUM digesa beri lebih komitmen

SINTOK - Seluruh kakitangan Universiti Utara Malaysia (UUM) digesa untuk memberikan lebih komitmen dalam tugas yang dipertanggungjawabkan agar kecemerlangan yang dicapai sentiasa berkekalan.

Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohammed Mustafa Ishak berkata, komitmen yang diberi sepenuhnya merupakan satu penghargaan kepada institusi itu.

Menurutnya, kreativiti kakitangan dalam membuah-

kan idea-idea menarik amat diperlukan agar hasil daripada kejayaan kecemerlangan yang dikecap dapat dinikmati bersama.

"Kejayaan hari ini adalah hasil daripada usaha semua pihak yang bertungkus lumus untuk memperolehnya dan apa yang perlu adalah usaha itu perlu digandakan supaya kejayaan terbabit berulang di masa hadapan.

"Oleh itu, warga institusi berperanan memperkuatkan

perpaduan di antara satu sama lain di samping memupuk semangat sayang dan cintakan institusi ini agar pelbagai lagi kejayaan untuk diraih," katanya dalam Majlis Kesyukuran Sempena Pencapaian Cemerlang UUM 2012 di perkarangan Pusat Islam UUM, baru-baru ini.

Katanya, perkara itu penting dalam usaha UUM merencanakan strategi demi meraih peluang untuk mencipta kejayaan kerana permuafakat-

an di dalam sesebuah organisasi menjadi nadi utama dalam menggondol kejayaan.

"Jadi, perasaan kasih dan sayang terhadap institusi ini perlu dikekalkan dan kita seharusnya sentiasa mencari jalan bagaimana untuk bersama-sama memberikan sumbangan supaya institusi ini sentiasa dihormati pada setiap masa," katanya.

Majlis tersebut disempurnakan dengan bacaan Yasin dan tahlil.



Sebahagian daripada kakitangan yang menghadiri majlis berkenaan.